UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
KESYUKURAN BARISAN NASIONAL
NEGERI JOHOR DI SAUJANA,
JOHOR BAHRU, PADA 8HB. SEPTEMBER,
1978 JAM 8.30 MALAM.

---

Assalam - mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

---

(1) Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato Haji Othman Sa'at,
Menteri Besar Johor merangkap
Pengerusi Barisan Nasional Negeri. dan Puan Sri.

(1A) ~~1A.~~ Y. B. Yang Dipertua, Dewan Undangan negri Johor.

2.A Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri.

3. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Kerja Kerajaan Negeri.

4. Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

4A. Ketua² ~~2A~~ dan Ahli² Jawatankuasa Parti² ~~dari~~ component Barisan nasional.

5. ~~Saudara-saudara sekelian.~~ Tuan² dan Puan² sekalian.

(2) ~~1A~~ Y. B. Dato Lee San Choon, President MCA,

---

~~Majlis kesyukuran pada malam ini~~

~~amatlah besar maknanya. Lebih-lebih lagi ia~~

..2/-

~~Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.~~

1. Kita, ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti~~-parti~~ anggota Barisan Nasional, berkumpul pada malam ini, untuk mengucapkan syukur kepada TUHAN, yang telah memberi kemenangan cemerlang kepada kita dalam Pilehanraya Umum pada bulan Julai yang lepas. Kita bersyukur di atas rahmatNYA, sebagaimana juga kita sedar di-atas tanggungjawab berat kita. Dengan mandat yang diberikan kepada kita oleh rakyat, kita telah menubuhkan sebuah Kerajaan baru di-peringkat Pusat.

..2/-

Kita telah menjadikan Kerajaan baru ini, sebagai "Kerajaan Berjiwa Rakyat". Kita akan berusaha sedaya-upaya kita, ~~dan akan~~ bagi menunaikan janji-janji kita. Kita tidak akan mengabaikan keyakinan rakyat kepada kita itu. Itulah janji kita, dan itulah sebenarnya, yang akan kita lakukan.

2. Kita telah menerangkan kepada rakyat, bahawa kita mempunyai cita-cita, dan cita-cita kita itu, adalah juga cita-cita rakyat. Kita telah menerangkan kepada rakyat, bahawa cita-cita kita, ialah sebuah negara Malaysia yang bersatu-padu, megah dan kuat; sebuah masyarakat yang aman damai, toleransi dan liberal, bersih dan tidak korap, 'adil lagi saksama; sebuah negara yang mengadakan sebanyak-banyak bantuan kepada yang sangat-sangat memerlukannya, dan memberi peluang kepada yang berusaha menikmati hasil titek pelohnya sendiri.

3. Cita-cita kita itu, hendaklah dijadikan sebagai satu kenyataan. Ini bermakna, bahawa tiap-tiap seorang dari kita, mestilah sanggup bekerja ---------- lebih bersungguh-sungguh dari apa yang pernah kita lakukan pada masa-masa yang lalu. Kebanyakan dari kita, yang mempunyai kedudukan dan pengaroh, mestilah menunjukkan contoh-tauladan yang baik. Kita mestilah sanggup membanting tulang; kita mestilah sanggup berusaha dengan sedaya-upaya kita; jika perlu, kita mestilah sanggup membuat pengorbanan. Kita mestilah sentiasa sedar, bahawa kita telah diamanahkan dengan kuasa untuk berkhidmat kepada rakyat. Kuasa bukanlah diberikan kepada kita untuk menguasai manusia yang lain, atau meninggikan darjat dan kemuliaan kita; kuasa bukannya diberi kepada kita, untuk menambahkan harta kekayaan kita.

~~(sambongan dari muka 4 para 3)~~

Inilah falasafah dan panduan utama Barisan Nasional. Rakyat dan negara ~~mengharapkan~~ berkehendakan daripada kita tidak kurang dari itu.

Tuan² dan Puan² sekalian.

4. Kita berbangga dengan hakikat, bahawa negara kita mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Ujian yang sebenarnya terhadap demokrasi, ialah hak sesebuah masyarakat, memileh Kerajaan yang dikehendakinya; dan mengubahkannya secara peratoran dan aman, apabila Kerajaan ~~tersebut~~ itu tidak lagi mempunyai kepercayaan dan keyakinan rakyat. Dewan Rakyat

dan tiap-tiap Dewan Undangan Negeri, adalah dipileh oleh rakyat, ~~bukan sahaja mengenai hak mengundi, tetapi juga terhadap anggota-anggotanya.~~ Sebenarnya, sesiapapun boleh menjadi seorang Ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Undangan Negeri. Ahli-ahlinya, terdiri daripada segenap peringkat masyarakat, tidak kira keturunan kaum, darjat, pendidikan, pendapatan atau pekerjaan. Menjadi seorang Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri, bukanlah sahaja merupakan satu kehormatan, tetapi juga adalah satu tanggungjawab yang berat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.

5. Saya telah menerangkan ~~dengan panjang lebar~~ berkenaan ~~dengan~~ tugas dan tanggungjawab kita, sebagai ahli dan penyokong Barisan Nasional. Saya telah juga menyentoh dengan rengkasnya, mengenai falasafah dan panduan utama Barisan Nasional. Tugas utama kita sekarang ini, ialah menyempurna dan memenuhi keperluan rakyat. Tugas ini, adalah lebih berat. Walaubagaimana pun, pucok pimpinan berazam melaksanakannya. Mungkin terdapat halangan, akibat daripada berbagai sebab dan masaalah. Sekiranya halangan ini sengaja di ada atau ditimbulkan, atau disebabkan ~~kurang~~ pandangan sengkat,

~~penelitian~~, ~~atau~~ tamak, atau kerana kepentingan tertentu atau semata-mata kepentingan diri sendiri, tanggungjawab dan kewajipan kita memerlukan kita menghadapi ~~nya dengan penuh kejujuran~~ halangan-halangan itu. Kita akan gagal dalam tanggungjawab dan kewajipan kita kepada rakyat, yang telah memileh kita, sekiranya kita tidak ~~melakukannya dengan adil dan saksama~~ membuat demikian, ~~dan~~ akibatnya ialah kepercayaan serta nama baik parti kita, akan terjejas.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.

6. Sungguhpun kita gagal ~~menawan~~ [memenangi balik] satu kerusi Dewan Undangan Negeri, dan kehilangan sebuah kerusi Parlimen, kita merasa amat puashati dengan keputusan Pilihanraya Umum dalam negeri Johor. Parti-parti anggota dalam Barisan Nasional di negeri Johor, telah bertugas dan bekerjasama sebagai satu pasukan yang bersatu-padu. Kita sedar, bahawa tiap-tiap ahli dan penyokong Barisan Nasional telah bekerja bersungguh-sungguh, dan dengan penuh bersemangat, dan ~~apa yang~~ [tidak kurang] pentingnya, bahawa mereka ini telah bertugas di bawah pimpinan yang berkebolehan dan dedikasi.

Inilah faktor-faktor yang menyebabkan
~~Kemenangan kita di Johor adalah hasil daripada~~
kemenangan di negeri Johor.
~~faktor-faktor ini~~. Saya, bagi pihak Barisan Nasional, mengucapkan berbanyak terima kasih kepada sekelian ahli dan penyokong Barisan Nasional negeri Johor, di atas kerja yang bersungguh-sungguh, usaha dan dedikasi ini. Saya suka mengucapkan terima kasih khusus kepada YAB Tan Sri Dato Haji Othman Saat, di atas pimpinan dan usahanya, sehingga mendorongkan semangat dan azam yang kuat kepada yang lain-lain, bagi mempastikan kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihanraya itu.

*6A. Ucapan terimakasih ikrar eg. A.B. menteri Besar memberi kerjasama yang rapat kepada Kerajaan Persekutuan.*

7. Akhirnya, saya suka*lah* melahirkan perasaan gembira, serta bersyukur, di atas kehormatan yang telah diberikan kepada saya dan isteri saya, di upacara sambutan pagi ini, dan juga di majlis pada malam ini. ~~Kami mengucapkan ribuan terima~~ kasih.

*Kepada kaum muslimin dan muslimat, saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Raya.*

~~****************~~

*6A. Kerajaan Persekutuan akan sentiasa memberi kerjasama yang rapat serta bantuan kepada Kerajaan dan negeri Johor.*

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.
---

1. We, the members and supporters of the component parties of the Barisan Nasional, gather here to-night to thank ~~God~~ Almighty God for giving us a great victory at the General Election last July. We are grateful for His blessings so are ~~as~~ we are conscious of our heavy responsibilities. With the mandate given to us by the people, we have formed a new Government at the centre. We have made

..2/-

the new Government as "People's inspired Govt." or "Kerajaan Berjiwa Rakyat."
We will do our best ~~and~~ to fulfil our promises.
We will never betray the people's trust in us.
That has been our promise, and that is exactly what we will do.

2. We have told the people that we have a vision and that our vision is their vision. We have told the people that our vision is that of a happy Malaysia that is united, proud and strong; that our vision is that of a society at peace with itself, tolerant and liberal, clean and uncorrupt, fair and just; that our vision is that of a nation that provides the greatest help to those in greatest need of help and allowing the enterprising to profit from the fruits of their enterprises.

..4/-

3. This vision of ours must be turned into a reality. This means that each and everyone of us must be prepared to work -------- much harder than we have ever worked before. Those of us who are in the position of power and influence, must set good examples. We must be prepared to toil; we must be prepared to sweat; if necessary, we must be prepared to make sacrifices. Let us not forget that we are entrusted with power in order to serve the people. Power is not given to us to lord it over our fellow-creatures or to add to our personal pomp; power is not given to us to increase our material wealth.

~~(con.from pg.4 para 3)~~

This is the philosophy and guiding principle of the Barisan Nasional. The people and country expect nothing less than this.

4. We are proud of the fact that our country practises parliamentary democracy. The true test of a democracy is the right of a community to elect the Government it desires; and to change that Government by peaceful means when it has lost the confidence of the community. The Dewan Rakyat and every State Legislate Assembly are ~~popular~~ popularly elected assemblies,

~~not merely in respect of the right to vote,~~ ~~but also as regards its personnel~~. Virtually anyone may become a member of the Dewan Rakyat or a State Legislative Assembly. It's members are drawn from all sections of the community, regardless of race, class, education, income or occupation. To be a member is a great honour as well as a great responsibility.

<u>Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian</u>.

5. I have spoken ~~at some length~~ about our duties and responsibilities as members and supporters of the Barisan Nasional. I have also touched on very briefly regarding the Barisan Nasional's philosophy and guiding principle. Our main task now is to deliver the goods. This is a much harder task. Nevertheless, the leadership is determined to carry it out. There are bound to be obstacles arising from various causes and reasons. If these obstacles are artificially set up, or are due to

short-sightedness, ~~or~~ greed, ~~or~~ vested or personal interests, our duty and responsibility require us to face them squarely. We will fail in our duty to the people who have elected us if we do not do so, and the credibility and image of our party will suffer.

..9/-

<u>Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian</u>.

6. Although we ~~lost~~ failed to win back one State seat and lost one Parliamentary seat, we were very satisfied with the election results in the State of Johor. The component parties of the Barisan Nasional in the State worked and cooperated as a united team. We were aware that every member and supporter of the Barisan Nasional worked extremely hard and with great enthusiasm, and what was equally important, under very able and dedicated leadership. Our victory in Johore

was due to all these factors. On behalf of the Barisan Nasional, I would like to thank all the members and supporters in the State of Johor for their hard work, efforts and dedication. I would like, in particular, to thank Y.A.B. Tan Sri Dato Haji Othman Sa'at for his leadership and drive, and which in turn imbued and affected the others with the same spirit and determination to win the election for the Barisan Nasional.

7. Lastly, I would like to say how grateful and honoured my wife and I are for the very warm welcome which you all have accorded to us this morning and to-night.

To all muslims, my wife and I wish them ~~We thank you all very much~~. Selamat Hari Raya.

***********

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI MALAYSIA
UCAPAN
ADHO
686
71/81

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI MALAYSIA
AHO/u

No Siri 396
No Penerimaan 35/81